



12 Mei 2014
12 May 2014
P.U. (A) 126

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH JALAN-JALAN PERSEKUTUAN
(PENGURUSAN PERSENDIRIAN) (PUNGUTAN TOL)
(LEBUH RAYA SUNGAI BESI) 2014

*FEDERAL ROADS (PRIVATE MANAGEMENT)
(COLLECTION OF TOLLS) (SUNGAI BESI HIGHWAY)
ORDER 2014*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JALAN-JALAN PERSEKUTUAN (PENGURUSAN PERSENDIRIAN) 1984

PERINTAH JALAN-JALAN PERSEKUTUAN (PENGURUSAN PERSENDIRIAN)
(PUNGUTAN TOL) (LEBUH RAYA SUNGAI BESI) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 2 Akta Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) 1984 [*Akta 306*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) (Pungutan Tol) (Lebuh Raya Sungai Besi) 2014**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 15 Mei 2014.

Pemberikuasaan untuk memungut tol

2. (1) Besraya (M) Sendirian Berhad diberi kuasa bagi tempoh mulai 15 Mei 2014 sehingga 15 Mei 2040 untuk meminta, memungut dan menyimpan tol yang berkenaan yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Pertama, bagi penggunaan ke mana-mana arah mana-mana bahagian jalan yang dikenali sebagai Lebuh Raya Sungai Besi yang bermula dari kilometer 0.0 laluan utama di Persimpangan Bertingkat UPM di koordinat U332136.086, T414399.924 Grid *Rectified Skew Orthomorphic* (RSO) Geosentrik (GDM 2000) dan berakhir di kilometer 21.9 di Tanjakan Jalan Pandan 1 di koordinat U347116.310, T416241.808 Grid RSO Geosentrik (GDM 2000), kedua-dua jarak diukur dari kilometer 0.0 Lebuh Raya Sungai Besi termasuk Persimpangan Bertingkat Balakong, Persimpangan Bertingkat Seri Kembangan, Plaza Tol Mines (Selatan), Persimpangan Kelab Lumba Kuda, Plaza Tol Mines (Utara), Persimpangan Bertingkat Pekan Sungai Besi, Persimpangan Bertingkat Lingkaran Tengah 2, Persimpangan Taman Castlefield, Persimpangan Bertingkat Bandar Tasik Selatan, Persimpangan Bertingkat Kuchai Lama, Persimpangan Bertingkat Salak Jaya, Persimpangan Bertingkat Hubungan Timur-Barat, Tanjakan Salak Selatan, Tanjakan Salak Selatan (Utara), Persimpangan Razak Mansion, Tanjakan Jalan Istana, Persimpangan Bertingkat Ikan Emas, Tanjakan Jalan Loke Yew, Plaza Tol Loke Yew, Tanjakan Jalan Cheras, Tanjakan Shamelin Perkasa, Tanjakan Jalan Perkasa/Jalan

Pandan 1, Tanjakan Jalan Pandan 1, Tanjakan Jalan Indah dan Tanjakan Jalan Pandan Makmur, oleh kelas kenderaan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama.

(2) Jalan yang dinyatakan dalam subperenggan (1) yang bagi penggunaannya tol dibenarkan diminta, dipungut dan disimpan ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua.

Pembayaran tol

3. (1) Tol yang disebut dalam subperenggan 2(1) hendaklah kena dibayar oleh pemandu kenderaan sebelum memasuki Plaza Tol Mines (Selatan) yang terletak di kilometer 5.5 di koordinat U336875.605, T412414.229 Grid RSO Geosentrik (GDM 2000), Plaza Tol Mines (Utara) yang terletak di kilometer 6.8 di koordinat U338103.094, T412342.797 Grid RSO Geosentrik (GDM 2000) dan sebelum memasuki Plaza Tol Loke Yew yang terletak di kilometer 18.8 di koordinat U345370.897, T414271.099 Grid RSO Geosentrik (GDM 2000).

(2) Seseorang pemandu kenderaan yang menggunakan kad atau peranti elektronik hendaklah melalui lorong tol yang mempunyai suatu mesin pembaca kad atau peranti elektronik, menghampiri mesin pembaca itu dan menyentuhkan kad atau peranti elektronik pada mesin pembaca itu, dan tol yang kena dibayar hendaklah ditolak daripada kad atau peranti elektronik itu.

(3) Seseorang pemandu kenderaan yang menggunakan tag elektronik hendaklah, sebelum melalui lorong tag elektronik yang dikhaskan, mempamerkan tag elektronik atau tag elektronik dengan kad atau peranti elektronik di cermin hadapan kenderaan, dan tol yang kena dibayar hendaklah ditolak daripada tag elektronik atau kad atau peranti elektronik itu.

(4) “Kad atau peranti elektronik” dan “tag elektronik” yang disebut dalam perenggan ini ertinya—

- (a) sesuatu kad atau peranti elektronik dan tag elektronik yang dibenarkan oleh Menteri, yang dikeluarkan bagi maksud pembayaran tol;
- (b) berhubung dengan sesuatu kad atau peranti elektronik, suatu kad atau peranti elektronik yang boleh dibaca oleh mesin pembaca yang dipasang di lorong tol; dan
- (c) berhubung dengan sesuatu tag elektronik, suatu tag elektronik yang boleh menyebabkan palang di lorong tag elektronik yang dikhaskan dinaikkan secara elektronik.

Pengecualian daripada pembayaran tol

- 4. Walau apa pun peruntukan Perintah ini, kenderaan yang dinyatakan dalam dinyatakan dalam Jadual Ketiga dikecualikan daripada pembayaran tol.

Pembatalan

- 5. Perintah Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) (Pungutan Tol) (Lebu Raya Sungai Besi) 2004 [*P.U. (A) 280/2004*] dibatalkan.

JADUAL PERTAMA
[Subperenggan 2(1)]


KADAR TOL

(1) <i>Kelas Kenderaan</i>	(2) <i>Tol kena dibayar (RM)</i>	
	<i>Plaza Tol Mines (Selatan) dan Plaza Tol Mines (Utara)</i>	<i>Plaza Tol Loke Yew</i>
1. Kenderaan yang mempunyai dua gandar dan tiga atau empat roda (tidak termasuk teksi dan bas)	1.30	2.00
2. Kenderaan yang mempunyai dua gandar dan enam roda (tidak termasuk bas)	2.60	4.00
3. Kenderaan yang mempunyai tiga atau lebih gandar (tidak termasuk bas)	2.60	4.00
4. Teksi	1.30	2.00
5. Bas	1.30	2.00

Bagi maksud mengira bilangan gandar dan roda sesuatu kenderaan, gandar dan roda mana-mana treler yang ditarik oleh kenderaan itu hendaklah termasuk sebagai sebahagian daripada gandar dan roda kenderaan itu.

JADUAL KEDUA
[Subperenggan 2(2)]

PETA LEBUH RAYA SUNGAI BESI



JADUAL KETIGA

[Perenggan 4]

KENDERAAN YANG DIKECUALIKAN

1. Mana-mana kenderaan yang membawa Yang di-Pertuan Agong atau Raja Permaisuri Agong, Raja-Raja atau Permaisuri Baginda, Yang di-Pertua Negeri bagi Negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak atau isteri-isteri mereka, Dato'-Dato' Undang Negeri Sembilan atau Tengku Besar Tampin atau isteri-isteri mereka, Tengku Mahkota atau Raja Muda mana-mana Negeri atau isteri-isteri mereka, Raja Di-Hilir Perak atau isterinya atau mana-mana pembesar asing yang datang melawat.
2. Mana-mana kenderaan Kerajaan yang membawa Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri.
3. Semua kenderaan tentera yang dimiliki oleh Kerajaan atau mana-mana angkatan pelawat yang ditakrifkan dalam Akta Angkatan Pelawat 1960 [*Akta 432*].
4. Semua kenderaan Kerajaan yang digunakan semata-mata untuk tugas ambulans, tugas melawan kebakaran, tugas polis atau tugas menyelamatkan termasuk kenderaan pasukan penyelamat dari Jabatan Pertahanan Awam dan kenderaan dari Jabatan Penjara semasa menjalankan tugas mengiringi banduan.
5. Semua kenderaan yang bukan kenderaan Kerajaan yang digunakan semata-mata untuk tugas ambulans, tugas melawan kebakaran dan tugas menyelamatkan.
6. Semua motosikal beroda tiga atau beroda empat yang digunakan oleh mana-mana orang cacat.
7. Kenderaan yang mempunyai dua gandar dan dua roda.

Dibuat 29 April 2014
[KKR.PUU.110-1/7/2; PN(PU2) 426/LV]

DATUK HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
Menteri Kerja Raya

FEDERAL ROADS (PRIVATE MANAGEMENT) ACT 1984

FEDERAL ROADS (PRIVATE MANAGEMENT) (COLLECTION OF TOLLS)
(SUNGAI BESI HIGHWAY) ORDER 2014

IN exercise of the powers conferred by section 2 of the Federal Roads (Private Management) Act 1984 [Act 306], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Federal Roads (Private Management) (Collection of Tolls) (Sungai Besi Highway) Order 2014**.

(2) This Order comes into operation on 15 May 2014.

Authorization to collect tolls

2. (1) Besraya (M) Sendirian Berhad is authorised for the period from 15 May 2014 to 15 May 2040 to demand, collect and retain the appropriate tolls specified in column (2) of the First Schedule, for the use in either direction of any part of the road known as the Sungai Besi Highway commencing from kilometre 0.0 main line at the UPM Interchange at coordinates N332136.086, E414399.924 of the Rectified Skew Orthomorphic (RSO) Geocentric (GDM 2000) Grid and ending at kilometre 21.9 at Jalan Pandan 1 Ramps at coordinates N347116.310, E416241.808 of the RSO Geocentric (GDM 2000) Grid, both distances measured from kilometre 0.0 Sungai Besi Highway including Balakong Interchange, Seri Kembangan Interchange, Mines (South) Toll Plaza, Turf Club Intersection, Mines (North) Toll Plaza, Pekan Sungai Besi Interchange, Middle Ring Road 2 Interchange, Taman Castlefield Intersection, Bandar Tasik Selatan Interchange, Kuchai Lama Interchange, Salak Jaya Interchange, East-West Link Interchange, Salak Selatan Ramps, Salak Selatan (North) Ramp, Razak Mansion Intersection, Jalan Istana Ramps, Ikan Emas Interchange, Jalan Loke Yew Ramp, Loke Yew Toll Plaza, Jalan Cheras Ramps, Shamelin Perkasa Ramps, Jalan Perkasa/Jalan Pandan 1 Ramps, Jalan Pandan 1 Ramps, Jalan Indah Ramps and Jalan Pandan Makmur Ramps, by the classes of vehicles specified in column (1) of the First Schedule.

(2) The road specified in subparagraph (1) for the use of which tolls are authorized to be demanded, collected and retained is shown on the map in the Second Schedule.

Payment of toll

3. (1) The toll referred to in subparagraph 2(1) shall be payable by a driver of a vehicle before entering the Mines (South) Toll Plaza situated at kilometre 5.5 at coordinates N336875.605, E412414.229 of the RSO Geocentric (GDM 2000) Grid, Mines (North) Toll Plaza situated at kilometre 6.8 at coordinates N338103.094, E412342.797 of the RSO Geocentric (GDM 2000) Grid and before entering Loke Yew Toll Plaza situated at kilometre 18.8 at coordinates N345370.897, E414271.099 of the RSO Geocentric (GDM 2000) Grid.

(2) A driver of a vehicle who uses an electronic card or device shall pass through a toll lane having an electronic card or device reader, approach the reader and touch the electronic card or device on the reader, and the toll payable shall be deducted from the electronic card or device.

(3) A driver of a vehicle who uses an electronic tag shall, before passing through the dedicated electronic tag lane, display the electronic tag or the electronic tag with an electronic card or device at the windscreen of the vehicle, and the toll payable shall be deducted from the electronic tag or the electronic card or device.

(4) “Electronic card or device” and “electronic tag” referred to in this paragraph means—

(a) an electronic card or device and electronic tag as approved by the Minister, issued for the purpose of payment of tolls;

(b) in relation to an electronic card or device, an electronic card or device which is capable of being read by the reader installed at the toll lane; and

- (c) in relation to an electronic tag, an electronic tag which is capable of causing the pole at the dedicated electronic tag lane to be raised electronically.

Exemption from payment of toll

4. Notwithstanding the provisions of this Order, the vehicles specified in the Third Schedule are exempted from payment of toll.

Revocation

5. The Federal Roads (Private Management) (Collection of Tolls) (Sungai Besi Highway) 2004 [*P.U. (A) 280/2004*] is revoked.

FIRST SCHEDULE
[Subparagraph 2(1)]

RATES OF TOLLS


(1) <i>Class of Vehicles</i>	(2) <i>Toll Payable (RM)</i>	
	<i>Mines Toll Plaza (South) and Mines Toll Plaza (North)</i>	<i>Loke Yew Toll Plaza</i>
1. Vehicles having two axles and three or four wheels (excluding taxis and buses)	1.30	2.00
2. Vehicles having two axles and six wheels (excluding buses)	2.60	4.00
3. Vehicles having three or more axles (excluding buses)	2.60	4.00
4. Taxis	1.30	2.00
5. Buses	1.30	2.00

For the purpose of calculating the number of axles and wheels of a vehicle, the axles and wheels of any trailer towed by the vehicle shall be included as part of the axles and wheels of the vehicle.

SECOND SCHEDULE

[Subparagraph 2(2)]

MAP OF SUNGAI BESI HIGHWAY



THIRD SCHEDULE

[Paragraph 4]

EXEMPTED VEHICLES

1. Any vehicle carrying the Yang di-Pertuan Agong or the Raja Permaisuri Agong, the Rulers or their consorts, the Yang di-Pertua Negeri of the States of Malacca, Penang, Sabah and Sarawak or their wives, the Dato'-Dato' Undang Negeri Sembilan or the Tengku Besar Tampin or their wives, the Tengku Mahkota or the Raja Muda of any State or their wives, the Raja Di-Hilir of Perak or his wife, or any visiting foreign dignitary.
2. Any Government vehicle carrying the Prime Minister or the Deputy Prime Minister.
3. All military vehicles belonging to the Government or to any visiting force as defined in the Visiting Forces Act 1960 [Act 432].
4. All Government vehicles solely engaged in ambulance duties, fire fighting duties, police duties or rescue duties inclusive of rescue team vehicles from the Civil Defence Department and vehicles from the Prison Department whilst on prisoner's escort duties.
5. All vehicles not being Government vehicles solely engaged in ambulance duties, fire fighting duties and rescue duties.
6. All three-wheeled or four-wheeled motorcycles used by any handicapped person.
7. Vehicles having two axles and two wheels.

Made 29 April 2014
[KKR.PUU.110-1/7/2; PN(PU2)426/LV]

DATUK HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
Minister of Work